

**PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI  
ABDULLAH [ PETALING JAYA]**

**SOALAN NO. 254**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan perkembangan inisiatif *net energy metering* (NEM), sejauh manakah Malaysia akan menjalani proses dekarbonisasi dalam penjanaan tenaga dan anggaran pekerjaan yang dicipta daripada projek Large-Scale Solar 3.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan komited terhadap usaha meningkatkan penjanaan elektrik daripada Tenaga Boleh Baharu (TBB) dalam usaha mengurangkan gas rumah hijau selaras dengan komitmen Kerajaan di bawah Perjanjian Paris. Pelbagai program dan inisiatif telah diperkenalkan untuk menggalakkan penjanaan Tenaga Boleh Baharu (TBB) dalam pembekalan elektrik negara. Antaranya ialah melalui pelaksanaan mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT), *Net Energy Metering* (NEM) dan program solar berskala besar (*Large Scale Solar – LSS*). Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan ini dianggarkan telah menyumbang kepada pengurangan pembebasan gas rumah hijau (*GHG emission avoidance*) sebanyak 3.5 juta ton.

2. Setakat 31 Mei 2019, sebanyak 849 permohonan untuk menyertai program *Net Energy Metering* (NEM) dengan kapasiti 45 megawatt (MW) telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 331 buah projek dengan kapasiti sebanyak 14.31MW telah disambung ke sistem grid dan telah mula beroperasi. Baki sebanyak 30.64MW pula dijangka akan mula beroperasi sepenuhnya pada tahun 2020.

3. Berdasarkan maklumat *International Labour Organisation* (ILO) yang beribu pejabat di Geneva, setiap 1MW projek solar akan dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada 7 hingga 11 orang. Sehubungan itu, menerusi Program *Large Scale Solar* Pusingan 3 (LSS 3) dengan penawaran kuota sebanyak 500MW, adalah dijangkakan sebanyak 3,500 hingga 5,500 peluang pekerjaan baharu akan dapat diwujudkan.

Sekian, terima kasih.